



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 17
No. 19

20hb September, 1973

TAMBAHAN No. 48
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 246.

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR, 1952

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (1) seksyen 445 Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952, Menteri Perhubungan 70/52. dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Pelabuhan** Nama. (Perak) (Pindaan), 1973.

2. Jadual Ke Empat dalam Kaedah-kaedah Pelabuhan (Perak), 1953 Pindaan bagi Jadual Ke Empat. adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "up to" yang terdapat di butiran 1 dengan perkataan "below". L.N. 305/53.

Bertarikh 30 haribulan Ogos, 1973.

[PN. 250/54-182 Pt. II; KP/L/18.]

TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR,
Menteri Perhubungan

MERCHANT SHIPPING ORDINANCE, 1952

IN exercise of the powers conferred by sub-section (1) of section 445 of the Merchant Shipping Ordinance, 1952, the Minister of Communi- 70/52. cations hereby makes the following rules:

1. These rules may be cited as the **Port (Perak) (Amendment) Rules**, Citation. 1973.

2. The Fourth Schedule to the Port (Perak) Rules, 1953 is hereby Amendment of Fourth Schedule. amended by substituting for the words "up to" appearing in item 1 thereof the word "below". L.N. 305/53.

Dated this 30th day of August, 1973.

[PN. 250/54-182 Pt. II; KP/L/18.]

TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR,
Minister of Communications

Am: per 28/8/73

P.U. (A) 248.

AKTA LEMBAGA PELABUHAN, 1963

21/63. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 47 Akta Lembaga Pelabuhan, 1963, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Pelabuhan (Pelabuhan Johor), 1973.**

(2) Kecuali perenggan 3, Perintah ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Mei, 1973.

(3) Perenggan 3 hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari, 1975.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Akta itu” ertinya Akta Lembaga Pelabuhan, 1963;

“hari yang berkenaan” ertinya 1hb Januari, 1975;

“Jemaah” ertinya Jemaah Pengurusan Pelabuhan Johor yang ditubuhkan di bawah perenggan 5.

Pindaan bagi
Jadual
Pertama.
21/63.

3. Jadual Pertama kepada Akta itu adalah dengan ini dipinda dengan menambahkan kepadanya perbahasaan “Johore/Port”, “Johore/Port Authority” dan tarikh “1st January, 1975” masing-masing dalam ruangan pertama, kedua dan ketiga.

Pemakaian
Akta
21/63.

4. (1) Kecuali Bahagian VIII Akta itu, semua peruntukan Akta itu hendaklah, tertakluk kepada perenggan-kecil (2) dan (3), dipakai bagi Pelabuhan Johor (kemudian daripada ini disebut “Pelabuhan itu”).

Baharu
(per 28/8/73)

(2) Peruntukan-peruntukan seksyen 2 Akta itu hendaklah dipakai bagi Pelabuhan itu pada hari yang berkenaan.

(3) Dalam pemakaian Akta itu bagi Pelabuhan itu sebelum hari yang berkenaan sebutan-sebutan mengenai “the authority” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Jemaah Pengurusan Pelabuhan Johor yang ditubuhkan di bawah perenggan 5.

Penubuhan
Jemaah
Pengurusan.

5. Maka hendaklah ditubuhkan berkenaan dengan Pelabuhan itu suatu pertubuhan perbadanan bernama “Jemaah Pengurusan Pelabuhan Johor” kemudian daripada ini disebut “Jemaah” yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi membuat kontrek-kontrek dan boleh mendakwa dan didakwa.

Keanggotaan
Jemaah.

6. (1) Jemaah hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri dan ahli-ahli yang berikut, iaitu—

(a) seorang Pengurus Besar yang dilantik oleh Menteri;

(b) seorang wakil dari Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;

(c) seorang wakil dari Perbendaharaan; dan

(d) Setiausaha Negeri, Negeri Johor atau wakilnya.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama kepada Perintah ini hendaklah dipakai berkenaan dengan Jemaah.

Pember-
hentian
Jemaah.

7. (1) Pada hari yang berkenaan—

(a) Jemaah itu hendaklah berhenti daripada wujud; dan

- (b) Lembaga Pelabuhan Johor (kemudian daripada ini disebut "Lembaga") hendaklah ditubuhkan mengikut peruntukan seksyen 2 Akta itu.

(2) Pada hari yang berkenaan peruntukan-peruntukan Jadual Kedua Perintah ini yang berkaitan dengan pemindahan dan perletakhakan kepada Lembaga Pelabuhan Johor, akujanji-akujanji Jemaah dan penukaran pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Jemaah hendaklah berkuatkuasa.

JADUAL PERTAMA
(Perenggan 6 (2))

1. (1) Orang-orang yang berikut adalah hilang kelayakan daripada dilantik atau menjadi ahli-ahli Jemaah— Hilang Kelayakan.

(a) orang yang tidak sempurna akal atau kerana apa-apa sebab lain tidak berupaya menyempurnakan kewajipan-kewajibannya;

(b) seorang bankrap;

(c) seorang yang telah disabitkan sesuatu kesalahan dan dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun.

(2) Seorang ahli Jemaah hendaklah mengosongkan jawatannya jika ia tidak berada di Persekutuan selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan tanpa kelulusan Menteri.

(3) Maka hendaklah dibayar dari kumpulan wang Jemaah kepada ahli-ahli Jemaah atau kepada mana-mana daripada mereka apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

2. (a) Pengerusi dan dua orang ahli adalah menjadi koram bagi mana-mana mesyuarat Jemaah. Mesyuarat-mesyuarat Jemaah.

(b) Jika atas apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Jemaah bilangan undi didapati sama banyaknya maka Pengerusi adalah berhak memberi undi pemutus.

(c) Tertakluk kepada perenggan-perenggan-kecil (a) dan (b) Jemaah hendaklah menentukan acaranya sendiri.

(d) Meteri Jemaah hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau Pengurus Besar dan seorang lain ahli Jemaah dan apa-apa suratan yang berupa sebagai dimeterikan dengan meteri tersebut, disahkan seperti tersebut di atas hendaklah disifatkan sebagai telah dimeteri dengan sahnya sehingga akasnya dibuktikan.

3. (1) Jemaah boleh melantik apa-apa jawatankuasa dari antara ahli-ahlinya, bersama atau tanpa orang-orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah. Jawatankuasa-jawatankuasa.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan Jemaah koram dan acara sesuatu jawatankuasa hendaklah ditentukan oleh jawatankuasa itu.

(3) Jemaah boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas-tugasnya kepada Pengerusi atau kepada mana-mana ahli atau pegawai Jemaah atau kepada mana-mana jawatankuasa.

4. Seseorang ahli Jemaah (dan juga mana-mana pegawai dan penjawat) hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Kesiksaan. Penjawat awam.

- Penzahiran kepentingan.
5. Seorang ahli Jemaah yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau pengusahaan yang dengannya Jemaah bercadang hendak membuat apa-apa kontrak ataupun yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu hendaklah menzahirkan kepada Jemaah nyatakan kepentingannya dan jenis kepentingan itu, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Jemaah dan ahli itu tidak boleh mengambil apa-apa bahagian di dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Jemaah berhubung dengan kontrak itu melainkan jika dibenarkan dengan khususnya oleh Pengerusi.

JADUAL KEDUA

(Perenggan 7 (2))

- Pemindahan kuasa, hak dan tanggungan.
1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu, semua kuasa, hak, keistimewaan, tugas, tanggungan atau kewajipan yang sebelum sahaja hari yang berkenaan adalah kuasa, hak, keistimewaan, tugas, tanggungan atau kewajipan Jemaah hendaklah mulai dari hari itu turun kepada Lembaga.

- Pemindahan harta.
2. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu, semua tanah yang sebelum sahaja hari yang berkenaan diletakhak atau dirizabkan di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tanah bagi maksud Jemaah hendaklah, pada hari itu, mengikut mana yang berkenaan, diletakhak atau disifatkan sebagai dirizabkan bagi maksud Lembaga.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu, segala harta dan aset, lain daripada tanah yang sebelum sahaja hari yang berkenaan diletakhak kepada Jemaah atau kepada seseorang bagi pihak Jemaah hendaklah pada hari itu diletakhak kepada Lembaga.

- Kontrak-kontrak yang sedia ada.
3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu, semua suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan-kerja yang masih berkuatkuasa sebelum sahaja hari yang berkenaan dan yang mengenai apa-apa harta yang dipindahkan di bawah perenggan 2 hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau bagi faedah Lembaga dan dikuatkuasakan dengan sepenuh dan sesungguhnya seolah-olah, sebagai ganti Jemaah, atau seseorang yang bertindak bagi pihak Jemaah, Lembaga telah dinamakan di dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

- Penerusan pembicaraan jenayah dan sivil.
4. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu, apa-apa pembicaraan (samada sivil atau jenayah) atau alasan tindakan yang belum selesai atau yang sedia ada sebelum sahaja hari yang berkenaan, samada dibawa oleh atau terhadap Jemaah atau seseorang yang bertindak bagi pihak Jemaah boleh diteruskan dibawa oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana ianya boleh dibawa oleh atau terhadap Jemaah atau orang itu.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas hari yang berkenaan terhadap sesuatu keputusan yang diberi dalam mana-mana pembicaraan undang-undang sebelum hari itu boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga.

- Pemindahan wang.
5. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu segala wang yang ada dan yang kena dibayar kepada Jemaah hendaklah pada hari yang berkenaan dipindahkan kepada Lembaga.

6. Tiap-tiap orang yang sebelum sahaja hari yang berkenaan diambilkerja sebagai seorang pegawai atau penjawat Jemaah, hendaklah pada hari itu diambilkerja sebagai seorang pegawai atau penjawat Lembaga, mengikut mana yang berkenaan, menurut had-had dan syarat-syarat yang sama dengan had-had dan syarat-syarat yang terdapat sebelum sahaja hari yang berkenaan. Penerusan pegawai dan penjawat.
7. Semua perintah, arahan, perantakan, pemberitahu, kaedah, undang-undang kecil, sekil bayaran dan cagaran yang dibuat atau diberi di bawah peruntukan-peruntukan Akta itu dan yang berkuatkuasa sebelum sahaja hari yang berkenaan hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan. Penerusan undang-undang dsb.

Diperbuat pada 3 haribulan Ogos, 1973.
[KP/L (S) 73; PN. 250/54-211 Pt. III.]

Dengan Perintah,

TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR.
Menteri Perhubungan

PORT AUTHORITIES ACT, 1963

IN exercise of the powers conferred by section 47 of the Port Authorities Act, 1963, the Yang di-Pertuan Agong hereby makes the following order: 21/63.

1. (1) This Order may be cited as the Port Authorities (Johore Port) Order, 1973. Citation and commencement.

(2) Except paragraph 3, this Order shall be deemed to have come into force on 1st May, 1973.

(3) Paragraph 3 shall come into force on 1st January, 1975.

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

Interpretation.

“relevant day” means 1st January, 1975;

“the Act” means the Port Authorities Act, 1963;

“the Board” means the Johore Port Management Board established under paragraph 5.

3. The First Schedule to the Act is hereby amended by adding thereto the expressions “Johore Port”, “Johore Port Authority” and the date “1st January, 1975” in the first, second and third columns, respectively. Amendment of First Schedule. 21/63.

4. (1) Except Part VIII of the Act, the whole provisions of the Act shall, subject to sub-paragraphs (2) and (3), apply to Johore Port (hereinafter referred to as “the Port”). Application of (Pu 228/57) Act 21/63.

(2) The provisions of section 2 of the Act shall apply to the Port on the relevant day.

(3) In the application of the Act to the Port before the relevant day references to “the authority” shall be construed as references to the Johore Port Management Board established under paragraph 5.

5. There shall be established in respect of the Port a body corporate by the name of “the Johore Port Management Board” (hereinafter referred to as “the Board”) which shall have perpetual succession and

Establishment of Management Board.

a common seal and the powers to enter into contracts and to sue and be sued.

Composition
of the Board.

6. (1) The Board shall consist of a Chairman who shall be appointed by the Minister and the following members that is to say—

- (a) a General Manager to be appointed by the Minister;
- (b) a representative of the Economic Planning Unit Prime Ministers' Department;
- (c) a representative of Treasury; and
- (d) the State Secretary of Johore or his representative.

(2) The provisions of the First Schedule to this Order shall have effect with respect to the Board.

Cessation of
the Board.

7. (1) On the relevant day—

- (a) the Board shall cease to exist; and
- (b) the Johore Port Authority (hereinafter referred to as "the Authority"), shall be established in accordance with section 2 of the Act.

(2) On the relevant day the provisions of the Second Schedule to this Order which relates to the transfer to and vesting in the Johore Port Authority of undertakings of the Board and the transfer of any officers and servants of the Board shall have effect.

FIRST SCHEDULE

(Paragraph 6 (2))

Disqualifica-
tion.

1. (1) The following persons shall be disqualified from being appointed or being members of the Board—

- (a) a person who is of unsound mind or is otherwise incapable of performing his duties;
- (b) a bankrupt;
- (c) a person who has been convicted of an offence and sentenced to imprisonment for a term of not less than a year.

(2) A member of the Board shall vacate his office if he is absent from the Federation for a period of more than three months, without the approval of the Minister.

(3) There shall be paid out of the fund of the Board to members of the Board or to such of these members such allowances as the Minister may determine.

Meetings of
the Board.

2. (a) The Chairman and two other members shall constitute a quorum for any meeting of the Board.

(b) If on any question to be determined by the Board there is an equality of votes, the Chairman shall have a casting vote.

(c) Subject to sub-paragraphs (a) and (b), the Board shall determine its own procedure.

(d) The seal of the Board shall be authenticated by the Chairman or the General Manager and one other member of the Board, and any document purporting to be sealed with the said seal, authenticated as aforesaid, shall until the contrary is shown be deemed to have been validly executed.

3. (1) The Board may appoint such committees of its members, with Committees. or without other persons, as the Board may determine.

(2) Subject to any directions of the Board, the quorum and procedure of a committee shall be determined by the committee.

(3) The Board may delegate to the Chairman or to any member or officer of the Board or to any committee any of their functions.

4. Any member of the Board (as well as any officer and servant) shall be deemed to be a public servant within the meaning of the Penal Code. Public servants.

5. A member of the Board having any interest in any company or undertaking with which the Board proposes to make any contract or having any interest in any such contract shall disclose to the Board the fact of his interest and the nature thereof, and such disclosure shall be recorded in the minutes of the Board and unless specifically authorised thereto by the Chairman, the member shall take no part in any deliberation or decision of the Board relating to the contract. Disclosure of interest.

SECOND SCHEDULE (Paragraph 7 (2))

1. Subject to the provisions of the Act, all powers, rights, privileges, duties, liabilities or obligations which immediately before the relevant day were those of the Board shall as from that day devolve on the Authority. Transfer of powers, rights and liabilities.

2. (1) Subject to the provisions of the Act, all lands immediately before the relevant day vested in or reserved under the provisions of any written law relating to land for the purpose of the Board shall, on that day, as the case may be, vest in or be deemed to be reserved for the purpose of the Authority. Transfer of property.

(2) Subject to the provisions of the Act, all property and assets other than land which immediately before the relevant day were vested in the Board or in any person on behalf of the Board shall on that day vest in the Authority.

3. Subject to the provisions of the Act, all deeds, bonds, agreements, instruments and working arrangements subsisting immediately before the relevant day and affecting any of the property transferred under paragraph 2 shall be of full force and effect against or in favour of the Authority and enforceable as fully and effectually as if, instead of the Board, or any person acting on behalf of the Board, the Authority had been named therein or had been a party thereto. Existing contracts.

4. (1) Subject to the provisions of the Act, any proceedings (whether civil or criminal) or cause of action pending or existing immediately before the relevant day by or against the Board or any person acting on behalf of the Board may be continued or instituted by or against the Authority as it might have been by or against the Board or such person. Continuance of criminal and civil proceedings.

(2) Any appeal brought or any leave to appeal applied on or after the relevant day against a decision given in any legal proceedings before that day may be brought by or against the Authority.

Transfer of monies.

5. Subject to the provisions of the Act, all monies standing, and due to be paid to the Board shall on the relevant day be transferred to the Authority.

Continuance of officers and servants.

6. Every person who immediately before the relevant day was employed as an officer or servant of the Board shall on that day be employed as an officer or servant, as the case may be, of the Authority upon the same terms and conditions as those obtaining immediately before the relevant day.

Continuance of laws, etc.

7. All orders, directions, appointments, notifications, rules, by-laws, scale of charges and securities made or given under the provisions of the Act and in force immediately before the relevant day shall continue to have force and effect.

Made this 3rd day of August, 1973.

[KP/L (S) 73 Sj. XI; PN. 250/54-211 Pt. III.]

By Command,

TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR,
Minister of Communications

P.U. (A) 249.

AKTA KASTAM, 1967

(No. 62 tahun 1967)

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 12 Akta Kastam, 1967, Menteri Kewangan dengan ini membuat Perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Getah, dsb.) (No. 38), 1973**, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 20 haribulan September, 1973.

P.U. 337/68.

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran Duti Kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam, 1968, nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual bersama ini, mengikut yunitnya yang tersebut dalam ruang kedua Jadual tersebut, ialah sebanyak yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual tersebut.

P.U. (A) 244/73.

3. Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Getah, dsb.) (No. 37), 1973 adalah dengan ini dibatalkan.

JADUAL

(1)				(2)				(3)			
Barang				Yunit				Nilai			
Getah	...	...	...	Satu paun	...	...	...	\$	0.78	3/8	
Kelapa Kering	...	...	...	Satu tan	...	...	...		778.00		
Minyak Kelapa Sawit	...	...	...	Satu tan	...	...	...		621.00		
Isi Kelapa Sawit	...	...	...	Satu tan	...	...	...		235.25		

Diperbuat pada 14hb September, 1973.

[KPK/TAK/138A/Vol. IV/38; Perb. (8.20) 116/1-4; P.N. 250/54-244E (245).]

Dengan arahan Menteri Kewangan,

SALLEHUDDIN BIN MOHAMED,

*Setiausaha,
Bahagian Cukai,
Perbendaharaan*